

29 DEC 2003

Mahathir-Broker/I

DR MAHATHIR BOLEH JADI BROKER YANG JUJUR - HERITAGE FOUNDATION

Oleh: Salmi Hashim

WASHINGTON, 29 Dis (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad boleh memainkan peranan efektif sebagai "broker jujur" dalam mencari penyelesaian kepada beberapa isu sukar khususnya dalam dunia Islam di mana beliau dikenali dan dihormati.

Presiden Heritage Foundation Edwin J. Feulner, sebuah kumpulan pemikir, berkata dalam satu temubual di sini bahawa bekas perdana menteri itu, yang dikenali dalam kerja menggalakkan keamanan dunia, boleh membuka saluran komunikasi dengan negara seperti Sudan dan Yemen " di mana kita (Amerika Syarikat) mempunyai masalah serius".

"Beliau boleh melaksanakannya dengan baik sekali dalam bidang itu -- beliau adalah seorang yang memiliki banyak bakat dan keupayaan -- Saya tidak fikir beliau akan hanyap ergi menunggang kuda atau menulis buku selepas persaraan," katanya.

Fuelner menemui Dr Mahathir selepas beliau menyampaikan ucapan terakhir sebagai perdana menteri di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, Oktober lepas.

Katanya Dr Mahathir boleh memainkan peranan berpengaruh dalam membawa Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) yang dipengerusikan Malaysia kini, ke era moden dan menggunakannya sebagai forum untuk perubahan positif.

Mengenai rekod Dr Mahathir sebagai perdana menteri, Fuelner menyifatkan beliau sebagai pemimpin bertaraf dunia yang menjadikan setiap warganya bangga sebagai rakyat Malaysia -- lebih daripada negara lain di Asia.

"Beliau memainkan peranan bersejarah dalam membangunkan negara dan menyatupadukan penduduknya dalam masa yang singkat.

"Satu-satunya kritikan saya mengenai Dr Mahathir ialah beliau adalah retorik terhadap dunia luar -- ucapan terakhir di OIC meninggalkan kesan kurang selesa di dunia Barat.

"Malangnya pencapaian beliau dikaburi dengan penggunaan bahasa yang menyerang di Sidang Kemuncak OIC -- ia membuatkan ramai orang lupa tentang kejayaannya."

Feulner, yang mengkagumi dan menghormati Dr Mahathir, berkata "dari satu segi, beliau dilihat sebagai seorang daripada pemimpin terunggul di Asia Tenggara."

Mengenai perdana menteri baru, Fuelner, yang menghoskan jamuan makan malam untuk Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan Naib Presiden Amerika Syarikat Dick Cheney sebagai tetamu di sini 14 bulan lepas, berkata:

"Beliau adalah sangat berbeza dari segi pembawaannya -- seorang yang berpendirian teguh, adil dan pemimpin yang bermaruah yang berkemungkinan menjejaki dasar yang dibina oleh Dr Mahathir dan meneruskannya ke arah yang betul."

Feulner menyifatkan Abdullah sebagai seorang "yang bertimbang rasa dan berhati-hati", yang menekankan lebih ketelusan dalam kerajaan -- satu langkah baik bagi Malaysia menjadi sebuah masyarakat yang lebih terbuka.

Katanya Malaysia boleh memainkan peranan kritikal dalam dunia Islam dan menjadi contoh kepada negara Islam yang lain.

Beliau kesal dengan laporan kerajaan Amerika Syarikat baru-baru ini bahawa Malaysia dan sembilan negara lain kurang mengamalkan kebebasan beragama.

"Apabila saya berada di Malaysia, saya menemui kawan-kawan beragama Islam yang memberitahu tentang pengalaman mereka menunaikan ibadat haji di

Mekah dan kawan yang beragama Kristian pula menceritakan tentang pengalaman mereka ke Vatican.

"Ini mungkin tidak terjadi dalam beberapa buah negara lain. Terdapat masjid, gereja dan kuil di semua tempat -- Malaysia adalah sebuah negara di mana toleransi agama wujud."

Feulner mempunyai banyak pengalaman dalam penggubalan dasar awam dan kerajaan. Pada 1989, Ronald Reagan, Presiden Amerika Syarikat ketika itu, mengurniakan "Pingat Kerakyatan Presiden" kepadanya "sebagai pemimpin konservatisme."

Beliau juga adalah penulis lima buah buku termasuk "Leadership for America" dan "The March of Freedom."

Heritage Foundation, yang ditubuhkan pada pada 1973, menggalakkan dasar awam bersifat konservatif berdasarkan prinsip perusahaan bebas, penglibatan kerajaan yang terhad dan pertahanan negara yang kukuh.

-- BERNAMA

SH MFJ DC RON